



Headline: Taktik 'nombor baharu' perdaya mangsa

Language: Malay

Publication/Portal: Sinar Harian

Section: Nasional

Date: 27 January 2021

Page: 21

Taktik 'nombor baharu' perdaya mangsa

PETALING JAYA - Polis Daerah Petaling Jaya mengesan sindiket penipuan dalam talian yang menggunakan modus operandi secara menyamar sebagai rakan atau saudara bagi urusan pinjaman wang.

Ketua Polis Daerah Petaling, Asisten Komisioner Nik Ezanee Mohd Faisal berkata, pihaknya menerima sebanyak 78 laporan berkaitan kes itu sejak Januari tahun lalu hingga kini.

"Anggaran kerugian pula kira-kira RM250,000," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Nik Ezanee berkata, berdasarkan keterangan mangsa, suspek pada mulanya akan memperkenalkan diri sebagai rakan atau saudara dan memberitahu nombor telefon yang digunakan itu adalah nombor baharu kerana nombor asal telah hilang.

"Apa yang lebih menarik lagi, suspek berjaya memperdaya mangsa dengan meniru suara sebenar atau mirip suara rakan serta ahli keluarga mangsa," katanya.

Nik Ezanee berkata, suspek turut menggunakan profil WhatsApp yang memaparkan gambar rakan mangsa.

"Mangsa bertambah yakin bahawa itu adalah rakannya yang dalam kesusahan dan ingin meminjam wang.

"Mangsa diberi nombor akaun bukan milik individu menyamar rakan atau saudara mangsa," katanya.

Menurutnya, tanpa membuat semakan terlebih dahulu, mangsa telah memasukkan wang ke dalam akaun yang diberi.

"Mangsa mula

Modus operandi *Macau Scam*

- Cabutan bertuah
- Tipu, culik dan minta wang tebusan
- Menyamar sebagai pegawai kerajaan seperti polis/mahkamah/SPRM
- Menyamar sebagai pegawai bank / bank komersial
- Menyamar sebagai rakan atau saudara untuk pinjam wang (TERBARU)

menyedari ditipu apabila mangsa cuba menghubungi rakannya atau ahli keluarga yang sebenar dan mendapati tiada permintaan pinjaman wang seperti yang disangka, malah telefon bimbit mereka tidak hilang," katanya.

Menurutnya, modus operandi ini tidak menasarkannya mana-mana golongan tetapi penjenayah sentiasa berusaha untuk memperdaya mereka yang leka dengan taktik-taktik yang baru.

"Orang ramai juga boleh membuat semakan di portal ccid pdm: <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/> atau bilik gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya di talian **03-79662222**," katanya.



NIK EZANEE